

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN KEMPEN DERMA DARAH KOLEJ PENGAJIAN PERSEDIAAN
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
Lokasi : DEWAN BESAR KOLEJ PENGAJIAN PERSEDIAAN ITM, SEKSYEN 17, S.A.
Tarikh : 28-11-1987

Yang Berbahagia Dr. Haji Mohd. Ahmad Haji Hashim, Pemangku Pengarah ITM;

Yang Berbahagia Dr. Gladys Lopez, Pengarah Perkhidmatan Darah Hospital Besar Kuala Lumpur:

Yang Berbahagia Dr. Khalid Hassan, Timbalan Pengarah, Institut Penyelidikan Perubatan Malaysia:

Yang Berbahagia Encik Razmi Chik, Ketua Kolej Pengajian Persediaan ITM:

Para Pegawai dan pelajar ITM: Puan-puan dan tuan-tuan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya bersama dengan puan-puan dan tuan-tuan serta saudara-saudari sekalian pada pagi ini untuk merasmikan Kempen Derma Darah anjuran Institut Teknologi MARA. Majlis ini amat bermakna sebagai usaha kita menghulurkan bantuan dan pertolongan kepada golongan yang memerlukan.

2. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Kolej Pengajian Persediaan Institut Teknologi MARA di atas usaha dan inisiatif mereka untuk mengadakan Kempen Derma Darah ini bagi mengisi Tabung Darah Hospital Besar Kuala Lumpur. Usaha sedemikian amat digalakkan dan apabila ia lahir dari sanubari pelajar-pelajar generasi muda yang bakal memimpin masyarakat di masa hadapan, terasa amat murni dan mulia lagi hasrat saudara-saudari sekalian.

3. Ramai di antara kita yang menyedari bahawa masyarakat, khususnya di negara ini, secara keseluruhannya masih sukar untuk mewujudkan satu sikap yang benar-benar positif terhadap menderma darah. Walaupun ramai yang sedar bahawa darah amatlah penting bagi kehidupan setiap orang namun apabila pusat-pusat perubatan dan para doktor berkempen memerlukan darah, sambutannya kadangkala mengecewakan.

4. Saya masih ingat lagi betapa sukarnya mendapat derma darah dalam kecemasan di Wad Bersalin, Hospital Besar, Alor Setar dalam tahun enam puluhan. Sikap masyarakat pada masa itu amatlah negatif dengan mereka memberi berbagai alasan untuk mengelak daripada menderma darah baik sekalipun kepada isteri atau keluarga sendiri. Misalnya alasan agama, alasan takut kesihatan terganggu, dan alasan tidak boleh menderma kepada orang selain daripada yang sesama agama dan keturunan, dan bermacam-macam alasan lagi. Perasaan pengorbanan untuk menyelamatkan nyawa dalam kecemasan tidak timbul sama sekali kerana dipengaruhi oleh alasan-alasan yang tidak munasabah.

5. Tetapi shukur alhamdulillah pemikiran yang waras dan perasaan berperikemanusiaan mengatasi segala-galanya dengan kerjasama Jabatan Agama dan Jabatan Kesihatan yang memberi keterangan yang jelas mengenai hukum dan peraturan menderma darah. Sesungguhnya agama kita yang mulia dan pragmatik memandu ummahnya untuk berbuat baik dan membantu orang lain. Seharusnya si suami menderma kepada si isteri, dan rakan menderma kepada rakan yang lain tidak mengira keturunan, tidak mengira bulan puasa atau lain. Mengorbankan setitik darah untuk kebaikan adalah satu amalan yang murni, apatah lagi sekiranya sebotol darah dikehendaki.

Berbuat baik inilah yang dituntut oleh agama kita yang suci. 2. Membekalkan 13 hospital Kerajaan, setiap buah hos- pital dengan 10 yunit Pacemaker wire dan 2 Pacemaker Generator supaya pesakit-pesakit jantung dapat dirawat dalam kecemasan. Ini berharga \$110,000/-.

3. Membantu dalam pembinaan Yunit Satelit Hemodialisis di 6 hospital Kerajaan, berjumlah \$400,500/-

supaya pesakit-pesakit buah pinggang yang memerlukan penyucian darah mereka tidak paya dihantar ke Hospital Besar Kuala Lumpur, dari Negeri-negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

4. Memandangkan Negara Malaysia mungkin akan menubuhkan sebuah Yayasan Jantung (Heart Foundation), BAKTI bersetuju menyediakan \$500,000/- sebagai Geran Pelancaran kepada Yayasan ini, dengan syarat Yayasan Jantung ini adalah Yayasan Jantung Nasional yang dikelolakan dan ditadbirkan oleh ahli-ahli profesional dan orang-orang yang tertentu. Bekira dibandingkan dengan golongan yang rela mengorbankan nyawa mempertahankan keselamatan dan kesejahteraan negara, menderma sebotol darah adalah kecil sekali pengorbanan kita.

6. Saya merasa amat bangga apabila difahamkan bahawa seminggu sebelum ini Kolej Pengajian Persediaan ITM telah berjaya mengadakan Kempen Derma Darah di kampus Subang Jaya bagi pelajar-pelajar State University of New York dan di kampus Damansara Utama bagi pelajar-pelajar A-Level, University of Maryland dan French Matriculation. Hasilnya hampir 500 orang pelajar telah bermurah hati menderma darah dalam kempen tersebut. Setinggi-tinggi syabas saya ucapkan di atas sikap murni saudara-saudari sekalian. Pada hari ini usahasama Kolej Pengajian Persediaan ITM serta 150 persatuan pelajarannya dan Hospital Besar Kuala Lumpur sanggup meluangkan masa dan bekerja keras untuk memenuhi hasrat membantu mereka yang memerlukan.

Saudara-saudari, puan-puan dan tuan-tuan sekalian,

7. Sebagai golongan muda yang bakal memimpin masyarakat dan negara di masa hadapan saudara-saudari haruslah sentiasa bersikap terbuka dan positif kepada kehendak semasa. Ini dapat dicapai jika seseorang itu mempunyai nilai diri seperti beriman, berdisiplin dan bertaqwa serta cergas dan rajin berusaha. Sesungguhnya masa depan bangsa dan negara bergantung kepada saudara-saudari sekalian. Justeru itu, harapan ibu bapa dan masyarakat janganlah sekali-kali dipersia-siakan. Hindarilah segala pengaruh yang tidak sihat dan bermuafakat sesama rakan-rakan untuk mendukung cita-cita keluarga, bangsa dan negara.

8. Kehadiran saudara-saudari di Kolej Pengajian Persediaan ITM ini telah meletakkan saudara-saudari sekalian di satu tahap yang baik untuk menuju dan mencapai kecemerlangan yang lebih bermakna. Ibu bapa dan negara telah banyak berkorban membimbing pelajar-pelajar sekalian ke arah mencapai cita-cita tersebut. Utamakanlah pendidikan yang diberikan kerana pendidikan mampu mengubah status sosio-ekonomi kita dan meletakkan kita di tahap kehidupan yang lebih maju dan sempurna.

9. Kepada seluruh pelajar Kolej Pengajian Persediaan ITM saya berharap kejayaan yang saudara-saudari capai selama ini di ITM dapat dikekalkan dan dipertingkatkan lagi hingga mencapai matlamat untuk melanjutkan pelajaran di luar negeri. Saudara-saudari harus ingat bahawa pelajar-pelajar dihantar ke luar negeri bukan sahaja untuk menimba ilmu akademik tetapi juga untuk meluaskan pemikiran dan pendirian atas sesuatu yang kita lihat dan tempohi di luar negeri.

Saya mengambil peluang ini untuk menasihati saudara-saudari supaya tidak mengasingkan diri daripada pelajar-pelajar asing di universiti-universiti yang saudara-saudari akan pergi, supaya pemikiran dan pandangan menjadi luas dan matang. Bercampur dengan pelajar-pelajar sekampung senegara di luar negeri ada baiknya untuk tempoh permulaan di negeri orang, tetapi sekiranya ini berlarutan sepanjang tiga hingga empat tahun kita belajar setempat tanpa mengenali atau bercampur gaul dengan pelajar tempatan dan pelajar asing dan mengetahui kebudayaan dan sejarah tempat mereka, adalah satu kerugian yang besar bagi seorang pelajar yang berpeluang merantau ke negeri orang.

10. Kebimbangan bahawa pelajar akan terpengaruh oleh amalan-amalan yang asing daripada budaya kita tidak harus berlaku sekiranya pelajar-pelajar dari sini berlatih dan berusaha mendisiplinkan diri untuk menimba amalan-amalan yang baik dan menolak amalan-amalan yang tidak baik. Untuk nilai budi bangsa kita tetap terpuji di mana sahaja pelajar-pelajar harus matang dengan sebab-sebab ia ke luar negeri supaya dengan kesedaran ini sahajalah akan seseorang pelajar itu insaf dan didorong untuk berusaha belajar dengan gigih supaya menjadi seorang pelajar yang berjaya dan sempurna.

11. Saya menyeru kepada saudara-saudari supaya sentiasa mengingati Allah dan menurut titah perintahNya. Perasaan berperikemanusiaan yang saudara-saudari tunjukkan pada hari ini adalah ibadat yang murni. Saya harap institusi-institusi pelajaran tinggi yang lain akan juga berbuat demikian.

12. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Kolej Pengajian Persediaan ITM dan Hospital Besar Kuala Lumpur serta semua pihak yang turut terlibat menjayakan Kempen Derma Darah pada hari ini. Insya-Allah, segala usaha murni seperti ini akan diberkati Allah jua.

13. Atas nama Allah Subhanahu Wataala, saya dengan sukacitanya merasmikan Kempen Derma Darah Kolej Pengajian Persediaan Institut Teknologi MARA pada pagi ini.

Wabilahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.